

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HSK501– Teori & Kaedah Penyelidikan Dalam Ilmu Sejarah

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. Jawab SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. "Bagi pendokong *subaltern studies*, penulisan tentang sejarah nasionalisme negara-negara yang pernah dijajah lebih bersifat elit iaitu memaparkan usaha dan jasa elit tempatan membebaskan rakyat daripada penjajahan. Sejarah seperti ini gagal mengiktiraf sumbangan rakyat tempatan itu sendiri dalam mencipta dan menyemarakkan nasionalisme". Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

2. "Salah satu masalah utama dalam kaedah sejarah lisan ialah temubual sering menjadi refleksi atau bayangan kepada masa lalu yakni masa lepas sering dilihat daripada kaca mata kini oleh informan". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut?

[100 markah]

Bahagian B

3. Ahli Sejarah Yunani, Polybius dan Xenophon cenderung meletakkan sebab-sebab ketuhanan dalam perjalanan sejarah sebagai 'pilihan terakhir' apabila sebab-sebab manusia tidak dapat menjelaskan sesuatu situasi sejarah.

Merujuk kepada pernyataan di atas, nilaiakan kedudukan '*divine force*' dalam historiografi Yunani sejak era Herodotus berbanding dengan historiografi Islam sehingga kurun ke-9 Masihi dan historiografi Kristian pada zaman St. Augustine of Hippo.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

4. Menurut golongan *de-constructive* seperti Roland Barthes dalam karyanya *The Discourse of History* (1967) bahawa epistemologi tersendiri disiplin sejarah tidak wujud kerana penulisan sejarah hanyalah satu lagi bentuk naratif yang dijustifikasi melalui rasionalisasi.

Dengan membandingkan hujah-hujah golongan *Constructivism* dan *Re-constructivism*, sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan Barthes terhadap aspek epistemologi, proses pembuktian dan naratif sejarah?

[100 markah]

Bahagian C

5. "Analisis dalam sejarah ekonomi dilakukan dengan menggunakan gabungan kaedah sejarah, kaedah statistik dan teori ekonomi gunaan." Nilaikan secara kritis pernyataan ini.

[100 markah]

6. "Kaedah kualitatif dan kuantitatif dapat memberikan kefahaman yang komprehensif tentang perkembangan ekonomi pada kurun ke-20." Dengan merujuk kepada mana-mana negara dari Asia Tenggara, nilaikan pernyataan ini.

[100 markah]

- oooOooo -